

27/05/1999

Petronas serah kepada kerajaan

PETRONAS menyerahkan kepada kerajaan untuk menimbang cadangan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) supaya kerajaan memecahkan monopoli dalam industri petroleum dengan meminda Akta Petroleum 1974.

"Oleh kerana cadangan itu ditujukan kepada kerajaan, adalah tidak wajar Petronas memberi sebarang ulasan sehingga kerajaan mengambil langkah sewajarnya mengikut syor yang dikemukakan," kata jurucakap Petronas di Kuala Lumpur, semalam.

Antara lain, DPMM menerusi Pengerusi Sektor Strategik Petrokimia DPMM, Senator Rosli Mat Hassan, mencadangkan agar sebuah kementerian, jabatan atau lembaga diwujudkan untuk menyelia industri minyak negara ini kerana sekarang ini Petronas yang mengawal dasar, terbabit sama dalam industri terbabit.

Beliau juga menggesa Petronas memberi peranan lebih besar kepada kontraktor tempatan, terutamanya Bumiputera, dalam pemberian kontrak.

Rosli mendakwa setakat ini, Petronas kurang mengutamakan syarikat tempatan untuk menjadi kontraktor utama kerana alasan seperti keperluan teknikal.

Menurutnya, memorandum cadangan DPMM akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kementerian Kewangan tidak lama lagi.

Secara asasnya, jurucakap Petronas berkata, syarikat itu menggunakan pendekatan bersepadu dan menyeluruh bagi meningkatkan penyertaan usahawan tempatan terutama Bumiputera, melalui rancangan bimbingan seperti Rancangan Pembangunan Usahawan.

Pada 22 April lalu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman menyatakan Petronas sudah menawarkan 1,761 kontrak kepada 272 syarikat tempatan bagi pembangunan kerja di Terengganu sejak 1993 sehingga sekarang.

Menurut Fauzi, kontrak itu termasuk lapan pakej kerja utama yang berkaitan kerja pembangunan petrokimia.

Katanya, jumlah itu tidak termasuk kontrak kecil yang diberikan kontraktor utama kepada kontraktor tempatan seperti disyaratkan Petronas.

(END)